

di dalam hatinya lalu berkata: “Aku telah bercita-cita hendak menulis sunnah-sunnah Rasulullah maka teringat aku akan umat-umat yang dahulu kalau mereka menulis akan kitab Allah kemudian dicampur adukkan dengan perkara-perkara yang lain selepas itu tinggallah mereka berpegang kepadanya dan meninggalkan kitab Allah. (Katanya lagi) aku demi Allah, tidak akan campurkan kitab Allah dengan sesuatu yang lain.) Beliau memilih supaya hadith-hadith Nabi itu biar tinggal di dalam ingatan sahabat-sahabat sebagaimana adanya pada masa Rasulullah dan masa Saiyidina Abu Bakar.

Setelah kurun yang pertama telah berlaku dan kurun yang kedua mula menjelma iaitu kurun *tābi‘īn*, maka pada masa ini banyak telah timbul ahli-ahli bid‘ah, khawārij munkar al-Aqdār dan musang berbulu ayam (munafik) yang

sentiasa mencari jalan untuk memecah belahkan orang-orang Islam dan mereka telah berusaha menimbulkan kesamaran dengan membuat hadith-hadith palsu. Maka pada masa itu ulama memandang bahawa wajiblih disusun dan diasingkan hadith Rasulullah supaya tidak jadi kesamaran kepada umat Islam daripada hadith-hadith palsu itu. Kebimbangan-kebimbangan daripada bercampur dengan ayat-ayat Qur’an telah hilang, kerana Rasulullah telah wafat dan wahyu telah putus, lebih-lebih lagi setelah Saiyidina Uthman menghimpunkan Qur’an yang ditulis berasing di tangan sahabat-sahabat Nabi di dalam satu mashaf sebagaimana yang didapati di tangan kita hari ini.

Hadith Nabi mula-mula disusun

Orang yang mula-mula sekali menyusun hadith Nabiv

Memperingati

Nuzūl

Al-Qur’an

Firman Allah Ta ‘ālā:

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani:

Sesungguhnya kami (Allah) telah turunkan dia (al-Qur’an) pada malam “*Laylatu al-Qadr*”. Dan apakah yang engkau ketahui tentang *Laylatu al-Qadr* itu? *Laylatu al-Qadr* itu lebih utama daripada seribu bulan. Turun padanya malaikat dan roh (iaitu Jibril), dengan izin tuhan mereka, (membawa hukum) dari berbagai-bagai perintah. Sejahteralah dia hingga terbit fajar.

Laylatu al-Qadri khayrun min alfi shahr

tanazzalu al-Malāikatu wa al-Rūḥu fihā bi idhni rabbihim min kulli amr Salāmun hiya ḥattā maṭla ‘i al-Fajr

bismi allahi al-Rahmāni al-Rahīm

imā anzalnāhu fī laylatu al-Qadr

wa mā adrāka mā laylatu al-Qadr

Qāla Allahu ta ‘ālā fī kitābihi al-Karīm

wa al-Ladhīnahum lizzakāti fā ‘ilūn

Firman Allah Ta ‘ālā: “Dan mereka yang mengeluarkan zakat”.

(iaitu merekalah orang-orang mukmin yang berbahagia).

ialah Muhammad ibn Muslim ibn Shihāb al-Zuhrī (wafat pada

tahun 125), yang terkenal di antara rawi-rawi hadith dengan

nama Ibn Shihāb atau pun al-Zuhrī dan dialah sebagai

pembaharu pada masa itu. Usahanya itu ialah dengan perintah

khalifah ‘Umar ibn ‘Abdul Aziz. Khalifah ‘Umar ibn

Abdul Aziz juga telah memerintahkan Abi Bakr ibn Hazm

(wafat pada tahun 120 Hijriyyah). Menurut al-Bukhārī,

khalifah ‘Umar ibn ‘Abdul Aziz telah menulis Abi Bakr

ibn Hazm katanya: “Selidikilah segala hadith-hadith Rasul

Allah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan tuliskanlah kerana aku

bimbang hilang segala ilmu dan mati sekalian ulama-ulama.)

Tetapi susunannya itu tidaklah teratur dengan rapinya

malahan bercampur aduk dengan yuhadīth- yuhadīth *da ‘if*.

Di pertengahan kurun yang kedua banyaklah kedapatan orang-orang

yang menghimpunkan hadith Nabi di serta negeri-negeri Islam

seperti Imam Malik menyusun *Muwatta’* nya di Madīnah al-Munawwarah,

Ibn Jarīj di Makkah al-Mukarramah, Awzā’ī di Sham, al-Thawarī

di Kufah., Hammād ibn Salamah di Basrah, Hashīm di Wāsiṭ.

Mu‘ammar di Yaman, iMubarak di Khurasan, dan Jarīr ibn

‘Abd al-Majīd di Alra. mereka hidup dalam satu

zaman.

Pada akhir kurun yang kedua pula lebih cergas lagi

ahli-ahli hadith menyusun hadith-hadith Nabi dengan secara

musnad pula (iaitu disusunkan hadith mengikut pangkat

rawinya yang tinggi didahulukan dan yang rendah dikemudiankan

seperti yang pertama hadith Abu Bakar, ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali

dan seterusnya, tidak disusun secara hukum fekah

seperti yang terdapat di dalam *Ṣihāh al-Sittah*), tetapi di dalam

susunan mereka ini pun banyak juga kedapatan

hadith-hadith yang *da ‘if*, oleh yang demikian tercetuslah

di kalbu *Rahimahu Allahu Ta 'ālā* (namanya yang penuh ialah al-Imam al-Ḥāfiẓ al-Ḥujjah Amīru al-Mu'minīn fī al-Ḥadīth Abī 'Abdu Allah Muhammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju'fī al-Bukhārī, wafat pada tahun 256 Hijriyyah) ingin menyusun sebuah kitab hadith yang semata-mata hadith sahih dengan susunan yang sangat rapi dan teratur, itulah yang mendorong dia mengembara ke segala pelosok negara-negara Islam pada masa itu, untuk menerima hadith Nabawi daripada rawi-rawinya sendiri. Ia tidak mencatatkan satu hadith di dalam kitabnya itu melainkan setelah *thābit* rawi itu semasa dan berjumpa sendiri, inilah yang membawakan Imam Bukhārī menyusun dengan memakan masa selama enam belas tahun. Ia tidak menulis satu hadith di dalam kitabnya itu melainkan didahulukan dengan mandi dan sembahyang serta berdoa ke hadrat Allah Ta'ālā supaya dikabulkan. Maka terhimpunlah di dalam kitabnya yang dinamakan ((*al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*)) dan kenal dengan nama *Ṣaḥīḥ Bukhārī* sebanyak 7275 hadith yang sahih kesemuanya yang ditapis daripada 600,000 hadith. Inilah jasanya Imam Bukhārī dalm Islam hingga kitabnya menjadi hujah dan dalil yang kedua selepas kitab Allah *al-Qur'an al-Karīm*.

Khulaṣahnya: Ibn Shihāb al-Zuhrī ialah mula-mula menyusun hadith Nabawi dan Imam Bukhārī pula ialah orang yang mula-mula menyusun hadith yang sahih sahaja iaitu dipermulaan kurun yang ketiga. Selepas itu ramailah ahli-ahli hadith yang menurut jejak langkahnya, hingga terdapatlah enam buah kitab hadith Nabawi yang dinamakan *Ṣaḥīḥ al-Sittah* (*Bukhārī, Muslim, Abū Dawūd, Nisā'ī, Tarmidhī dan Ibn Mājah*) dan beberapa banyak lagi kitab-kitab hadith Nabawi yang termaktub dengan rapinya.

Inilah sesudut daripada cara-cara tersusunnya hadith Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* yang kita berpegang teguh dengannya hari ini dan terus hingga ke hari kiamat kelak.



Sebahagian daripada pelajar-pelajar kelas latihan guru, Madrasah Masriyah Bukit Mertajam, yang telah lulus baharu-baharu ini setelah lima tahun dalam kelas tersebut.

Duduk dari kiri: Tuan Shaykh Nur'isa guru mereka, dan Haji Husin bin Haji Abdul Rahman Johor. Berdiri dari kanan: Misbah Haji Abdul Salam Bagan Datok Perak, Hashim Haji Yahya Bukit Mertajam, dan Musa Bahari Kanchong Darat Selangor.